

# Kemahiran keibubapaan

QB 26/10/2011 B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

**I**SLAM memandang keluarga sebagai institusi penting kerana keluarga adalah kesatuan masyarakat kecil yang menjadi hebat dalam pembentukan masyarakat. Kepentingan institusi ini jelas apabila Tuhan mewujudkan undang-undang dalam urusan kekeluargaan yang dikenali sebagai munakahat. Keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi individu yang baik kerana daripada peribadi yang baik akan terbina keluarga yang baik, daripada keluarga yang baik akan lahir masyarakat yang disiplin dan mantap. Daripada masyarakat yang berdisiplin ini akan tertegak negara yang cemerlang dan diredai Tuhan. Dalam melahirkan negara yang cemerlang maka setiap anak perlu didisiplinkan. Disiplin bukan bermakna menggunakan kekerasan sambil mendera anak-anak. Disiplin merujuk kepada melatih dan memastikan anak-anak mematuhi peraturan tertetntu.

Ibu bapa mana yang mahu melihat anak-anak mereka biadap serta kurang ajar dan melanggar peraturan sekolah. Kesilapan besar sering dilakukan ibu bapa apabila mendisiplinkan anak-anak dengan memaki hamun, cacian, kutukan dan kekerasan. Cara ini membuat anak-anak rasa terhina dan mengasingkan diri. Tindakan ini akan merendahkan harga diri anak-anak. Sebaik-baiknya ibu bapa mendisiplinkan anak-anak dengan kasih sayang. Ibu bapa perlu tegas memberitahu anak-anak yang ibu bapa lebih senang hati, gembira dan ceria sekiranya anak-anak melakukan perkara yang positif. Sekiranya mereka melakukan kesalahan, tegur serta beri hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan buka mendera mereka mengikut perasaan.

Menurut pendapat Sullivan & Sllivan, 1980; hubungan ibu bapa dan anak-anak menjadi lebih baik daripada segi komunikasi antara mereka, lebih mesra dan anak-anak lebih berdikari. Mereka saling perlu dan memerlukan. Anak-anak perlukan sentuhan fizikal iaitu belaian mesra dan ciuman serta sentuhan rohani, sentiasa menyeru melakukan kebaikan dan menjauhkan kemungkaran melalui tingkahlaku dan komunikasi. Jangan merendah-rendahkan ataupun meninggikan kebolehan anak-anak. Bimbing anak-anak dengan penuh berhemah melalui komunikasi yang sihat dengan bahasa yang indah dan buka mencela, mengutuk ataupun menggunakan bahasa-bahasa kesat. Tunjukan adab dan sopan yang baik di hadapan anak-anak kerana ibu bapa adalah role model.

Mereka dapat berkongsi nilai-nilai hidup yang penting dan

dapat menyesuaikan diri dengan baik antara satu sama lain. Pada masa yang sama anak-anak perlu dilatih membuat kebajikan dan ganjaran atau pujian juga perlu diberikan sebagai usaha memperkukuhkan tingkah laku positif. Hubungan positif antara ibu bapa dan anak-anak dapat membantu anak-anak menjalani kehidupan yang mencabar dan menyeronokkan.

Ibu bapa mendidik anak-anak supaya mempunyai kawalan diri dan disiplin yang baik. Ada masanya ibu bapa perlu bertegas supaya anak-anak mengikut arahan, tetapi ada juga ketikanya mereka diberi kelonggaran dan kebebasan yang sewajarnya. Anak-anak yang hidup sempurna biasanya dapat mengawal kehidupan sendiri, manakala ibu bapa sebagai pemberi bantuan daripada segi persediaan menjadi dewasa seperti mengawal kebebasan, kekuatan ego dan disiplin diri. Ibu bapa perlu berperanan menyedarkan anak-anak yang penyelesaian masalah mempunyai pelbagai alternatif. Di samping itu mereka juga perlu digalakkan untuk bersifat kreatif dalam mencipta sesuatu, menukang pelbagai benda serta mampu memasangnya semula. Ibu bapa perlu memahami setiap tindak tanduk anak-anak supaya lebih peka dengan cetusan hati mereka samada ketidakpuasan hati, gembira dan sebagainya. Sebagai seorang ibu bapa yang berkesan sebaik-baiknya mampu menganalisis setiap kelakuan anak-anak. Dapat dikatakan sikap dan tingkah laku kanak-kanak adalah cerminan kepada tingkah laku dan sikap ibu bapa. Ini kerana ibu bapa adalah orang pertama yang berhadapan dengan kanak-kanak dan kebanyakan masa kanak-kanak adalah bersama dengan ibu bapa mereka.

Justeru itu ibu bapa perlu lebih kreatif dalam mendidik anak-anak bermula semenjak bayi sehinggalah dewasa. Segala sikap dan kelakuan anak-anak adalah bermula daripada sikap ibu bapa. Sekiranya ibu bapa mendidik anak-anak dengan cara yang salah dan tidak berdisiplin sudah tentu anak-anak akan membesar dengan pegangan yang salah. Keadaan tersebut dimanifestasikan melalui gejala-gejala sosial sekarang yang jelas menunjukkan kekurangan keberkesanan dalam institusi kekeluargaan. Gejala jenayah yang semakin berleluasa, penipuan dokumen, pergaulan bebas, tidak beradab, tidak berbudi pekerti mulia, tidak mahu menghormati orang lain dan sebagainya. Semuanya bermula daripada ibu bapa, maka sudah tentu akan menimbulkan kekacauan peranan sama ada ibu bapa yang tidak pandai mendidik atau anak-anak yang terlebih bijak?

**\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS**